

Kumpulan TechKAL UMS-KAL juara KIK UMS 2011

UB 20.12.2011 B1

KUMPULAN TechKAL, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) muncul juara Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat UMS yang diadakan di Dewan Kuliah Perdana 1, UMS, baru-baru ini.

Kumpulan itu diwakili oleh Jorin Matawas, Mohd Azrie Tanjong, Abd Sofian Abd Ghani, Mohd Firdaus Anson, Nurazeyhan Aman, Herman Lairi, Arther Balingi, Norfizan Norisan, Rayme Musa, Mohd Ali Kassim, Ismail Alimin dan Hassan Suliman.

Kumpulan TechKAL muncul juara kategori Teknikal dengan tajuk pembentangan Papan Lut

Sinar dan tempat ketiga melalui projek Mengurangkan Air Kotor Yang Masuk Ke Dalam Tangki Air Kolej Kediaman.

Jurutera Kanan UMS-KAL, Jorin Matawas turut memenangi Anugerah Fasilitator Terbaik kategori Teknikal manakala Kumpulan TechKAL meraih Anugerah Inovasi Terbaik kategori Teknikal.

Mereka juga akan mewakili UMS bagi kategori Teknikal ke peringkat kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, Selangor pada 6 hingga 8 Mac 2012.

Semua hadiah disampaikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr

Kamaruzaman Ampon.

Turut hadir sama Ketua Pustakawan UMS, Dg Rukiah Ag Amit dan Ketua Timbalan Pendaftar UMS, No'man Datuk Ahmad.

Naib johan kategori Teknikal dimenangi oleh Eureka HRD Solution (Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar) dan keempat, Pinakol (Jabatan Hal Ehwal Pelajar).

Sementara itu, bagi kategori Pengurusan, tempat pertama disandang oleh pasukan Nexus yang mewakili Seksyen Perjawatan, Jabatan Pendaftar, naib johan Regiment (Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar), ketiga Octoprime (Jabatan Perkhidmatan Akademik) dan keempat kumpulan Green



(Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan).

Johan bagi setiap kategori menerima hadiah berupa wang tunai RM2,000, piala dan sijil, naib johan RM1,000 dan ketiga RM750 berserta sijil.

Pertandingan KIK itu diadili

oleh Fahreni Mustafa dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Cawangan Sabah, Khairan Untoh (Sirim Berhad Cawangan Sabah dan Edward Binty (Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah.

(Gambar atas) ALBUM ... Kumpulan TechKAL bergambar kenangan bersama Prof Dr Shariff (duduk tiga kanan), Dg Rukiah (dua kanan), No'man (dua kiri), Fahrani (kanan) dan Khairan (kiri) pada majlis itu.